

Pendidikan di Selangor Era Sultan Alauddin Sulaiman Shah (1887-1938): Sorotan Literatur

BITARA

Volume 1, Issue 2, 2018: 59-64
 © The Author(s) 2018
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

Education in Selangor in the Era of Sultan Alauddin Sulaiman Shah (1887-1938): Literature Highlights

Siti Kamilah Mohd Fauzi¹ & Izziah Suryani Mat Resad@Arshad¹

Abstrak

Perkembangan pendidikan agama di Selangor adalah berpusatkan di rumah ulama, surau dan masjid-masjid. Ia mengalami perubahan pasca kedatangan British. Dalam hal ini, Sultan Selangor turut memainkan peranan dalam perkembangan pendidikan Islam. Kemuncak kepada perkembangan pendidikan di Selangor boleh dilihat semasa era pemerintahan Sultan Alauddin Sulaiman Shah, sultan Selangor kelima. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji perkembangan pendidikan di Selangor era Sultan Sulaiman sejak pemerintahan baginda sebagai raja muda Selangor hingga kemangkatan baginda. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kajian kepustakaan terhadap bahan-bahan mengenai pendidikan di Selangor khususnya era Sultan Sulaiman Shah. Hasil kajian menunjukkan pendidikan di Selangor semasa era baginda tidak terfokus kepada perkembangan pendidikan Islam sahaja. Bahkan pendidikan lain seperti vernakular dan vokasional untuk anak-anak Selangor juga berkembang pesat.

Kata Kunci

Sultan Sulaiman, pendidikan Islam, vokasional, vernakular, Selangor.

Abstract

The development of religious education in Selangor centred at the homes of clerics, surau and mosques. It was experiencing a post-British transition. In this regard, the Sultan of Selangor also played a part in the growth of Islamic education. The height of education in Selangor can be seen during the reign of Sultan Alauddin Sulaiman Shah, the fifth Sultan of Selangor. The purpose of this study is, therefore, to study the development of education in Selangor during the time of Sultan Sulaiman since his reign as the young king of Selangor until his demise. A qualitative approach has been used in this research through a library study of educational materials in Selangor, particularly in the time of Sultan Sulaiman Shah. The findings indicate that education in Selangor during his time was not based solely on the growth of Islamic education. Other schooling alternatives, such as vernacular and vocational education for the children of Selangor, was also on the rise.

Keywords

Sultan Sulaiman, Islamic education, vocational, vernacular, Selangor.

Cite This Article:

Siti Kamilah Mohd Fauzi & Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad. 2018. Pendidikan di Selangor era Sultan Alauddin Sulaiman Shah (1887-1938): Sorotan literatur. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(2): 59-64.

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, Pusat Rantau Timur tengah dan Nusantara, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
 E-mail: izziah@ukm.edu.my

Pengenalan

Sebelum kedatangan British, masyarakat Melayu sudah pun mempunyai sistem pendidikan sendiri. Pendidikan ini boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu pertama pendidikan kemahiran yang diajar oleh ibu bapa mereka secara warisan seperti bertani, menangkap ikan, mengukir dan lain-lain. Kedua ialah pendidikan ilmu agama yang dipelajari di rumah-rumah imam, surau dan masjid. Bacaan al-Quran menjadi subjek asas dan diikuti dengan ilmu-ilmu asas fardu ain seperti ilmu tauhid, Fikah, Akhlak dan Sejarah Islam (Muhammad Ridzuan 2016).

Selepas kedatangan British ke Tanah Melayu, sistem pendidikan mula berubah. Begitu juga di Selangor apabila British menubuhkan sekolah Melayu pertama pada tahun 1875 (Zainuddin 1985). Walaupun objektif utama sekolah ini ditubuhkan adalah untuk memberikan pendidikan yang lebih sistematik, namun kedatangan pelajar ke sekolah sangat tidak memuaskan. Sehingga tahun 1900, pendidikan di Selangor mula mendapat perhatian para ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah Melayu. Hal ini disokong oleh Zainuddin Leman (1985) dalam kajian beliau, *Perkembangan Pelajaran Melayu di Selangor, 1875-1920*. Beliau menyatakan: “Tahun 1900 merupakan satu zaman di mana perkembangan pelajaran Melayu berkembang pesat di negeri Selangor” (Zainuddin 1985: 102).

Selain itu, kenyataan daripada Karimizadeh & Abolghasemi (2016) juga perlu dilihat untuk meneliti perkembangan pendidikan Islam di Selangor. Dalam hal ini mereka menyatakan: “*In Selangor, they believe that the Islamic studies have been started toward the end of 19th century. There had been 17 Quran classes supervised by government. Again, the Islamic education at the end of Suleiman King Aladdin, the Selangor Sultan 1898-1938 had been developing*” (Karimizadeh & Abolghasemi 2016: 2). Kedua pernyataan ini menunjukkan bahawa perkembangan pendidikan di Selangor era Sultan Sulaiman Shah tidak hanya terfokus kepada pendidikan Islam sahaja bahkan pendidikan lain juga berkembang pesat.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah merangkumi perkara berikut:

1. Bagaimanakah perkembangan pendidikan di Selangor semasa era Sultan Sulaiman Shah?

Objektif Kajian

Objektif bagi kajian ini adalah untuk:

1. Meneliti perkembangan pendidikan di Selangor semasa era Sultan Sulaiman Shah

Metodologi Kajian

Secara amnya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kajian kepustakaan terhadap bahan-bahan sekunder mengenai Sultan Sulaiman Shah dan perkembangan

pendidikan di Selangor khususnya era pemerintahan baginda iaitu bermula tahun 1877-1938. Data dan maklumat daripada kajian yang dilakukan dibahagikan kepada dua kategori utama yang akan dibincangkan iaitu kajian pendidikan Islam di Selangor dan Pendidikan Vernakular dan Vokasional di Selangor. Maklumat yang diperoleh dipilih dan disusun berdasarkan dua kategori di atas. Kemudian, metode penganalisisan maklumat menggunakan kaedah deskriptif dan sejarah.

Analisis Tinjauan Literatur

Pendidikan di Selangor

Isu pendidikan sememangnya menjadi topik utama dalam kajian para sarjana tempatan mahupun barat. Ini kerana pendidikan merupakan satu elemen penting dalam menentukan tahap ketamadunan sesebuah kerajaan. Begitu juga kajian pendidikan di Selangor, penulis menemui 10 kajian mengenainya. Kajian-kajian tersebut dikategorikan kepada dua aspek tinjauan literatur iaitu kajian terhadap pendidikan Islam dan kajian terhadap pendidikan vernakular dan vokasional banyak kajian lepas yang dibuat oleh sarjana yang telah dikenal pasti oleh penulis. Untuk itu, penulis akan membahagikan kepada dua kategori iaitu pendidikan Islam di Selangor dan pendidikan vernakular dan vokasional di Selangor.

Kajian Pendidikan Islam di Selangor

Berkenaan kajian literatur terhadap kajian pendidikan Islam di Selangor terdapat 5 buah kajian. Antaranya Sumali Amat (1985) dalam *Perkembangan Sistem Pengajian Islam di Selangor* merupakan sebuah penulisan yang mengkaji tentang sejarah perkembangan pendidikan Islam di Selangor dan ditulis mengikut kronologi. Ia bermula dengan perbincangan tentang pendidikan awal di Selangor yang berbentuk informal sehingga ia mencapai kemuncak perkembangan pada akhir abad ke-19. Selain itu, beliau turut menekankan peranan pemerintah sebagai ketua negeri dan bertanggungjawab dalam memastikan pendidikan Islam terus berkembang. Apa yang menarik melalui kajian ini ialah beliau tidak hanya memfokuskan mengenai pendidikan Islam sahaja tetapi turut menyentuh mengenai sekolah vernakular Melayu dan respons rakyat Selangor terhadap penubuhan sekolah tersebut.

Selain itu, Mohd Nizam & Che Zarrina (2011) dalam kajian mereka Sejarah Pendidikan Islam di Kuala Lumpur mengupas mengenai pendidikan Islam di Kuala Lumpur. Walaupun lokasi kajiannya ialah di Kuala Lumpur, perlu diingat bahawa sebelum 1974, Kuala Lumpur adalah sebahagian daripada negeri Selangor. Kajian ini lebih terarah kepada perbincangan pendidikan Islam di sekolah-sekolah vernakular Melayu dan peranan pemerintah tempatan dalam memenuhi keperluan rakyat yang menginginkan pendidikan Islam di sekolah vernakular. Di samping itu, mereka turut menyentuh tentang perkembangan sekolah Inggeris yang berkembang pesat di Kuala Lumpur. Hasil kajian menunjukkan pendidikan Islam di Kuala Lumpur sebelum merdeka hanya pada paras rendah berbanding sekolah Inggeris yang berkembang begitu pesat.

Di samping kajian berbentuk jurnal dan buku, terdapat juga kajian disertasi yang membincangkan mengenai pendidikan di Selangor. Antaranya disertasi oleh Nurul Huda (2003) bertajuk *Peranan Kesultanan Melayu-Bugis terhadap Perkembangan Islam di Selangor: Suatu Kajian Sejarah* yang memfokuskan sumbangan kesultanan Melayu-Bugis dalam perkembangan Islam di Selangor. Fokus kajian ini agak menyeluruh dengan penelitian terhadap perkembangan Islam di Selangor yang melibatkan aspek undang-undang dan perkembangan syiar Islam di Selangor. Beliau juga membincangkan perkembangan pendidikan di Selangor sehingga tahun 1957 secara teliti dan peranan sultan dalam memartabatkan pendidikan Islam di Selangor. Dari segi sumber, beliau banyak menggunakan sumber daripada rekod kolonial laporan tahunan dan hasil wawancara daripada beberapa individu.

Selain Nurul Huda, Hamidah Abdul Wahab dalam *Sejarah pendidikan Islam di Selangor (1946-1994)* merupakan kajian disertasi sarjana yang turut membincangkan perkembangan pendidikan Islam di Selangor. Perincian kajian ini hanya pada tahun 1946 hingga 1994 sahaja. Namun beliau ada menyentuh serba sedikit mengenai sistem pendidikan Islam pada akhir abad ke-19. Beliau juga mengakui bahawa aktiviti pendidikan Islam di Selangor mencapai paras yang tinggi semasa era Sultan Sulaiman Shah, sultan Selangor kelima.

Akhir sekali kajian oleh Md. Jani Naim (1975) dalam *Sekolah Agama Rakyat di Sabak Bernam sehingga 1945*, sebuah kajian terhadap penubuhan sekolah-sekolah agama rakyat di Sabak Bernam sehingga tahun 1945. Kajian ini menjurus kepada perbincangan mengenai perkembangan pendidikan agama Islam di Sabak Bernam. Md. Jani Naim cenderung menjelaskan penubuhan sekolah agama rakyat adalah hasil inisiatif penduduk tempatan dan ulama yang menetap di Sabak Bernam ketika itu. Selain itu, beliau turut menekankan bahawa penubuhan sekolah agama rakyat ini adalah daripada hubungan baik antara ibu bapa dan ulama serta kesedaran ibu bapa tentang kepentingan pendidikan agama Islam kepada anak-anak mereka.

Kajian Pendidikan Vernakular dan Vokasional

Aspek kedua ialah berkenaan kajian terhadap pendidikan Vernakular dan Vokasional di Selangor yang memfokuskan kepada era pemerintahan Sultan Sulaiman Shah. Dalam bahagian ini, terdapat 6 kajian yang mengupas secara langsung tentang perkara tersebut. Antaranya, Ramli Saadon (2009) melalui tesis beliau *Dasar Pelajaran Kolonial British di Negeri Selangor 1875-1957* membincangkan mengenai dasar pelajaran kolonial British terhadap pendidikan di negeri Selangor. Fokus kajian ini agak menyeluruh dengan penelitian terhadap dasar British dalam pendidikan Vernakular di Selangor yang melibatkan pendidikan vernakular Melayu, Cina dan India. Selain itu, penelitian juga dibuat terhadap dasar British dalam pendidikan Inggeris khususnya di negeri Selangor. Dari segi sumber, beliau menggunakan sumber pertama yang pelbagai yang melibatkan rekod-rekod kolonial, laporan tahunan, artikel, jurnal dan sumber kedua. Apa yang menarik dalam kajian beliau ialah berkenaan penggunaan istilah dasar yang sering kali disalah tafsir dan sewenang-wenangnya digunakan oleh sesetengah pengkaji. Selain membincangkan mengenai dasar British terhadap pendidikan orang Melayu, beliau juga ada menyentuh mengenai tuntutan rakyat Selangor terhadap pengajian agama Islam di sekolah-sekolah tajaan British.

Seterusnya, Saraswathi A/P Chilliah (2003) dalam disertasi beliau *Sejarah Pendidikan Tamil di Selangor Sebelum Merdeka* membincangkan mengenai sejarah pendidikan Tamil di Selangor. Fokus kajian ini hanya terhad kepada pendidikan bagi kaum India di Tanah Melayu yang melibatkan Sekolah Kerajaan, Sekolah Estet, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Komuniti. Dari segi sumber, beliau menggunakan sumber pertama yang pelbagai yang melibatkan rekod-rekod kolonial, laporan tahunan, artikel, jurnal dan sumber kedua. Dalam penulisan ini, beliau menekankan bahawa pada awalnya pendidikan untuk kaum India tidak begitu mendapat perhatian daripada pihak British sehingga tahun 1932, pihak kerajaan Selangor telah mengambil inisiatif dengan meletakkan sekolah-sekolah Estet di bawah tanggungan kerajaan negeri pada waktu itu.

Selain itu, kajian daripada Abdul Hadi (1995) bertajuk *Winstedt dan Pendidikan Orang Melayu*. Skop kajian ini agak luas kerana ia melibatkan sekolah-sekolah vernakular di seluruh Tanah Melayu bermula tahun 1895 sehingga merdeka. Penelitian dibuat terhadap dasar-dasar British dalam pendidikan vernakular kepada anak-anak Melayu serta objektif penubuhannya. Di samping itu, beliau juga menekankan kepentingan peranan pemerintah dalam memajukan pendidikan anak-anak Melayu. Walaupun dibincangkan secara umum, namun penulis merasakan bahawa kajian ini penting dijadikan sebagai rujukan dalam bidang kajian pendidikan di Tanah Melayu untuk melihat keadaan dan suasana pendidikan vernakular di Tanah Melayu amnya.

Muhammad Ridzuan Idris (2016) menerusi tesis beliau bertajuk *Perkembangan Pendidikan Wanita Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1896-1941* merupakan kajian yang menyentuh hak-hak wanita dalam bidang pendidikan di negeri-negeri Melayu bersekutu (NNMB). Walaupun kajiannya agak luas iaitu melibatkan seluruh negeri-negeri Melayu bersekutu, tetapi terdapat perbincangan secara langsung berkenaan status pendidikan kaum wanita di negeri Selangor. Apa yang jelas, menurut beliau perkembangan pendidikan wanita di Selangor berkembang secara perlahan dan jauh ketinggalan berbanding pendidikan untuk kanak-kanak lelaki.

Selain kajian pendidikan bentuk vernakular, terdapat juga beberapa kajian lepas mengenai pendidikan teknikal atau kini dikenali sebagai pendidikan vokasional yang mana mula berkembang semasa era Raja Muda Sultan Sulaiman Shah lagi. Raja Ahmad Mukhlis (2018) menerusi buku *Sharah Pohon Agama Sultan Alauddin Sulaiman Shah Ibn Raja Muda Musa* menyatakan penubuhan Sekolah Pertenuunan Klang merupakan idea asal baginda yang bertujuan untuk melahirkan tukang tenun berkemahiran di Selangor. Selain itu, beliau turut menyentuh beberapa sumbangan baginda terutama dalam bidang pendidikan di Selangor. Walau bagaimanapun, ia hanya dinyatakan secara ringkas sahaja kerana fokus utama buku ini adalah untuk mensharahkan semula isi kandungan kitab Pohon Ugama karangan Sultan Sulaiman Shah.

Selain itu, boleh juga dilihat dalam Perkembangan Pelajaran Melayu di Selangor, 1875-1920 oleh Zainuddin Leman (1985). Kajian memfokuskan kepada isu pendidikan Melayu di Selangor semasa era kolonial British di Selangor. Penelitian dibuat terhadap permasalahan yang dihadapi oleh pihak British kerana kedatangan pelajar kurang memuaskan. Apa yang penting, beliau menyentuh berkenaan penubuhan dua buah sekolah teknikal di Jeram sebagai langkah untuk meningkatkan kedatangan pelajar ke sekolah. Dalam hal ini, beliau berpendapat bahawa

tahun 1900 merupakan tahun yang pesat dengan perkembangan pendidikan Melayu di Selangor.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, pendidikan era Sultan Sulaiman Shah tidak hanya berkembang dalam bidang pendidikan Islam sahaja malah pendidikan untuk komuniti lain seperti Cina dan India juga turut berkembang pesat. Perkara ini boleh dihubungkaitkan dengan keperibadian baginda yang bersifat adil dalam memerintah negeri Selangor dan berjiwa rakyat. Tidak dinafikan juga, baginda tidak keseorangan dalam mengangkat sistem pendidikan di Selangor ke arah yang lebih baik. Baginda sentiasa merujuk ulama dalam membuat keputusan. Daripada analisis terhadap tinjauan literatur di atas, terdapat ruang kajian dalam kajian pendidikan khususnya pendidikan Islam era Sultan Sulaiman Shah. Oleh itu, satu kajian yang menyeluruh adalah wajar dilakukan untuk mengisi ruang kajian tersebut.

Rujukan

- Abdul Hadi Ismail. 1995. Winstedt dan pendidikan orang Melayu. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 13:
- Aisyah Abd Rahim & Mohd Roslan Mohd Nor. 2014. Tokoh ulama termasyhur dalam perkembangan Islam di Selangor sebelum merdeka (1900-1957): Satu tinjauan biografi. *Jurnal al-Muqaddimah* 2(2):
- Hamidah Abdul Wahab. 2010. Sejarah Pendidikan Islam di Selangor, 1946-1994. Disertasi Sarjana. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Karimizadeh, Nasrin & Aboulghasemi, Mahmoud. 2016. *The Islamic and Religious in Malaysian Schools: From Past Up to Now*. International Academic Journal of Innovative Research. Vol. 3. Nom, 4
- Md Jani Naim. 1975. Sekolah Agama Rakyat di Sabak Bernam sehingga 1945. Kuala Lumpur: Penerbitan Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mohd Roslan & W. Mohd Tarmizi. 2011. *Sejarah dan Pendidikan Islam di Malaysia*.
- Muhammad Ridzuan Idris. 2016. Perkembangan Pendidikan Wanita Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 1896-1941. Tesis PhD. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Nurul Huda Mohd Bisri. 2003. Peranan Kesultanan Melayu-Bugis terhadap perkembangan Islam di Selangor: Suatu kajian sejarah. Disertasi Sarjana. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Raja Ahmad Mukhlis. 2018. *Sharah Pohon Agama Sultan Alauddin Sulaiaman Shah ibn Raja Muda Musa*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.
- Ramli Saadon. 2009. *Dasar Pelajaran Kolonial British di Negeri Selangor 1875-1957*. Tesis Doktor Falsafah. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Saraswathi A/P Chillilah. 2003. *Perkembangan pendidikan Tamil di Selangor*. Disertasi Sarjana. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Sumali Amat. 1985. Perkembangan sistem pengajian Islam di Selangor. Dlm. Khoo Kay Kim et al. (pnyt.). *Selangor Dahulu dan Sekarang*, hlm.30-45. Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd.
- Zainuddin Leman. 1985. Perkembangan pelajaran Melayu di Selangor (1875-1920). Dlm. Khoo Kay Kim et al. *Selangor Dahulu dan Sekarang*, hlm. Kuala Lumpur: United Selangor Press Sdn. Bhd.